GROUP DEPARTURE 2027: 4 HARI 3 MALAM DA NANG, HOI AN & BANA HILLS EXPERIENCE (ALL IN – FULLBOARD HALAL)

Central Vietnam Escapade

Gabungan bandar moden, old town penuh karakter & pengalaman cable car ikonik di Vietnam Tengah.

Tour Code: S004

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Nikmati pengalaman yang luar biasa di Da Nang, Hoi An dan Bana Hill. Nantikan pelbagai aktiviti dan lokasi yang akan memenuhi waktu cuti anda bersama keluarga dan teman-teman.



BUTIRAN HARGA:

TARIKH	MUSIM	HARGA SEORANG (RM)					SAIZ KUMPULAN (MIN)
		BERDUA/ BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
2027							
5/1 - 8/1	Winter	2,690	500	2,690	2,560	2,430	15 - 19 pax
1/4 - 4/4	Spring	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
16/4 - 19/4	Spring	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
15/5 - 18/5	Spring	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
20/5 - 23/5	Spring	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
27/5 - 30/5	Spring	3,290	500	3,290	3,140	3,040	
4/6 - 7/6	Summer	3,290	500	3,290	3,140	3,040	
10/6 - 13/6	Summer	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
15/7 - 18/7	Summer	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
22/7 - 25/7	Summer	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
5/8 - 8/8	Summer	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
17/8 - 20/8	Summer	3,090	500	3,090	2,940	2,840	
DISKAUN SENIOR CITIZEN / LOYALTY - RM50/PAX				DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX			

PAKEJ TERMASUK:

Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan
Penginapan hotel 3 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes)
Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara
Tiket lawatan Bana Hills (Cable Car, Golden Bridge & Theme Park)
Menaiki sampan Basket Boat di Hoi An
Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa
Perkhidmatan tour guide dan tour leader yang profesional
Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran
Kedai Wajib: Jewellery Shop & Bamboo Shop

PAKEJ TIDAK TERMASUK:

Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR - DA NANG (MM)

Perjalanan dimulakan dengan penerbangan menuju ke Da Nang, bandar pesisir Vietnam yang terkenal dengan gabungan suasana moden, pantai yang cantik dan tarikan ikonik yang semakin popular dalam kalangan pelancong Asia.

Setibanya di Da Nang, peserta akan dibawa menikmati suasana bandar dengan lawatan santai ke beberapa mercu tanda terkenal seperti Dragon Bridge, jambatan berbentuk naga yang menjadi simbol kebanggaan bandar ini terutama apabila disinari lampu LED pada waktu malam.

Peserta juga akan singgah di Dragon Carp Statue dan Love Lock Bridge yang terletak di tepi Sungai Han sambil menikmati suasana petang Da Nang yang tenang dan lively. Kawasan ini sering menjadi lokasi pilihan pelancong untuk berjalan santai dan mengambil gambar dengan latar belakang bandar moden Vietnam.

Bermalam di Da Nang.

Note: Makan tengahari akan disediakan sekiranya ketibaan penerbangan adalah sebelum jam 12.00 tengah hari.

HARI 2: DA NANG - BANA HILLS - DA NANG (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan menuju ke Ba Na Hills — antara destinasi paling terkenal di Vietnam yang terletak sekitar 1,500 meter dari aras laut. Kawasan ini mula dibangunkan oleh penjajah Perancis sebagai lokasi rehat kerana cuacanya yang nyaman dan sejuk sepanjang tahun.

Peserta akan menikmati pengalaman menaiki kereta kabel Ba Na Hills yang terkenal sebagai antara cable car paling ikonik di dunia sambil melihat panorama gunung dan hutan menghijau sepanjang perjalanan menuju ke puncak. Setibanya di atas, peserta berpeluang menikmati suasana ala Eropah di French Village yang dipenuhi bangunan klasik, kafe dan lorong-lorong unik yang menjadikan kawasan ini sangat popular untuk bergambar.

Perjalanan diteruskan ke Golden Bridge, jambatan emas terkenal yang dipegang oleh dua tangan batu gergasi sambil menikmati panorama pergunungan yang menakjubkan. Peserta juga akan berpeluang bersiar-siar di Le Jardin D'Amour, taman bunga gaya Perancis yang penuh warna-warni dan sering menjadi lokasi pilihan pelancong untuk menikmati suasana nyaman Ba Na Hills.

Selain itu, peserta turut boleh menikmati pelbagai aktiviti menarik di Fantasy Park, taman tema indoor yang menawarkan pelbagai permainan dan hiburan untuk semua peringkat umur. Sebelum pulang ke Da Nang, peserta juga akan singgah di Bamboo Shop untuk melihat pelbagai hasil kraftangan dan produk tempatan berasaskan buluh yang unik.

Bermalam di Da Nang.

HARI 3: DA NANG - HOI AN - DA NANG (SP/MT/MM)

Hari ini peserta akan dibawa menuju ke Hoi An, bandar warisan yang terkenal dengan suasana klasik, bangunan berwarna kuning dan lorong-lorong lama yang penuh karakter.

Dalam perjalanan, peserta akan singgah di Non Nuoc Stone Village untuk melihat hasil kraftangan marmar yang dihasilkan oleh penduduk tempatan sejak turun-temurun.

Pengalaman diteruskan dengan menaiki Basket Boat di Bay Mau Coconut Forest. Peserta akan menyusuri laluan sungai sambil menikmati persembahan "Basket Dance" serta demonstrasi menangkap ikan menggunakan jala tradisional Vietnam.

Seterusnya, peserta akan dibawa meneroka Old Quarter Hoi An yang terkenal sebagai bandar perdagangan penting Asia Tenggara suatu ketika dahulu. Hingga hari ini, suasana klasik bandar lama ini masih terpelihara dengan cantik dan menjadikan Hoi An antara bandar paling charming di Vietnam.

Sebelum pulang ke Da Nang, peserta turut mempunyai masa bebas untuk membeli-belah di Da Nang Market serta bersantai di My Khe Beach sambil menikmati suasana pantai dan matahari terbenam.

Bermalam di Da Nang.

HARI 4: DA NANG - KUALA LUMPUR (SP)

Selepas sarapan pagi, peserta akan dibawa ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur dengan membawa pengalaman indah sepanjang perjalanan di Da Nang, Hoi An dan Ba Na Hills.

PENGINAPAN:

CITY	BILANGAN MALAM
Danang	3

Jadual di atas digunakan sebagai panduan, ada kemungkinan sedikit perubahan.
TERMA & SYARAT DIKENAKAN

BUTIRAN PENERBANGAN: MALAYSIA AIRLINES (MH)

MH 746 KUL DAD 0835 1025

MH 749 DAD KUL 1440 1835

BUTIRAN PENERBANGAN: MALAYSIA AIRLINES (MH)

MH 748 KUL DAD 1200 1340

MH 749 DAD KUL 1440 1835

NON - REFUNDABLE DEPOSIT

RM1,000 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin : 010-321 6357

Zawati : 019-2277253

Saidatul: 011-28662548